



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR

ISU PENARIKAN BALIK *RICE PORRIDGE WITH ABALONE* DARI KOREA YANG DIPERCAYAI DICEMARI DENGAN BAKTERIA *CLOSTRIDIUM BOTULINUM*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan daripada laman sesawang *Canadian Food Inspection Agency* (CFIA) pada 3 April 2014 berkaitan *Rice Porridge with Abalone* berjenama *Yangban* keluaran syarikat Dongwon Industries Co., Ltd., Korea yang dipercayai dicemari bakteria *Clostridium botulinum*. Produk tersebut adalah produk *Rice Porridge with Abalone* (288 grams) dengan kod lot: 2015-01-24. Akibat daripada itu, pihak berkuasa Kanada dan Singapura telah menarik balik kesemua produk terlibat dari pasaran negara tersebut.

Clostridium botulinum merupakan sejenis mikroorganisma patogenik yang boleh menyebabkan demam dan kesakitan abdomen. Ia boleh menyebabkan kematian khususnya kepada golongan yang berisiko tinggi seperti bayi, orang tua atau orang yang mempunyai sistem imuniti yang rendah.

Melalui data import dari tahun 2013 sehingga kini yang diperolehi melalui Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (*Food Safety*

Information System of Malaysia-FoSIM), produk *Rice Porridge with Abalone* yang terlibat di dalam isu ini tiada diimport ke negara ini.

Sebagai langkah berjaga-jaga, berkuatkuasa 10 April 2014, KKM mengenakan Pemeriksaan Tahap Lima (5) Tahan, Uji dan Lepas terhadap produk *Rice Porridge with Abalone* yang terlibat di dalam isu ini sekiranya diimport.

Seksyen 13 Akta Makanan 1983 memperuntukkan mana-mana pihak yang terlibat mengimport, mengedar, menyimpan atau menjual makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Sehubungan itu, pengguna tidak perlu kluatir kerana KKM sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan ke atas isu-isu yang berhubung dengan keselamatan makanan bagi memastikan kesihatan orang ramai sentiasa terjamin. Sekiranya pengguna merasa ragu-ragu dengan status keselamatan makanan yang terdapat di pasaran tempatan, pengguna boleh membuat laporan kepada KKM melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) terdekat atau melalui laman web Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKQM) <http://fsq.moh.gov.my/v3>.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
15 April 2014